



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
SABTU 20 MEI 2023**

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR   | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI                        |
|-----|--|---|
| 1.  | MAT SABU ARAH PEGAWAI KPKM SELESAIKAN ISU PENURUNAN HARGA SAYUR, MALAYSIA POST -ONLINE       | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM) |
| 2.  | MALAYSIA CADANG BELI BIJIRIN RUSSIA UNTUK MAKANAN HAIWAN – MENTERI PERTANIAN, BH -ONLINE     |   |
| 3.  | BIRD'S NEST INDUSTRY CONTRIBUTES RM4.5 BILLION TO THE COUNTRY, NEWS, CHINA PRESS (JOHOR) -C4 |   |
| 4.  | CHAN: MINISTRY PLANS TO HOLD 106 FARM MARKET ACTIVITIES, NATION, SIN CHEW DAILY -8           |   |
| 5.  | 106 MADANI FARMER'S MARKETS TO BE HELD NATIONWIDE, NEWS, GUANG MING DAILY -A6                |   |
| 6.  | JATI 30 <sup>th</sup> ANNIVERSARY CELEBRATION ACTIVITY, NATION, KWONG WAH YIT POH-A14        |   |
| 7.  | KELUASAN TANAH UNTUK AKTIVITI AGROMAKANAN DIKENAL PASTI, BERITA RTM -ONLINE                  |   |
| 8.  | MALAYSIA INTAI PELUANG JALIN KERJASAMA DENGAN RUSIA DALAM PEMINDAHAN TEKNOLOGI, BH -ONLINE   |   |
| 9.  | EKSPORT NANAS DIJANGKA CECAH RM1.3 BILION TAHUNINI, PENGGERAK DAILY -ONLINE                  | LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA (LPNM)           |

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH    | MEDIA            | RUANGAN | MUKA<br>SURAT |
|-----------|------------------|---------|---------------|
| 20/5/2023 | MALAYSIA<br>POST | ONLINE  |               |

## Mat Sabu arah pegawai KPKM selesaikan isu penurunan harga sayur



DATUK Seri Mohamad Sabu mengarahkan pegawai Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) bertemu terus dengan petani yang berdepan isu penurunan harga sayur.

Menteri KPKM itu berkata, beliau telah menerima beberapa aduan tentang penurunan harga beberapa jenis sayur-sayuran sejak dua minggu lalu.

Katanya, perkembangan tersebut telah

mengusarkan para petani dan beliau mahu ia diselesaikan segera.

“Daripada laporan yang saya terima, kebanyakan petani ini tidak mendaftarkan usaha mereka dengan Jabatan Pertanian kerana beberapa sebab.

“Antara sebabnya adalah masalah status tanah yang tidak jelas seperti kes yang berlaku di Jalan Kebun Klang,” katanya menerusi hantaran di Facebooknya.

Mohamad berkata, apabila petani tidak berdaftar dengan Jabatan Pertanian di daerah masing-masing, maka banyak maklumat seperti bantuan input pertanian, inisiatif Skim Harga Lantai FAMA serta bantuan khidmat nasihat dan rundingan tidak sampai kepada mereka.

“Justeru saya menyeru kepada semua petani yang belum berdaftar dengan Jabatan Pertanian supaya segera mendaftarkan usaha mereka bagi memudahkan Kementerian membantu mereka.

“Tidak ada apa yang perlu dibimbangkan kerana Kerajaan Madani sentiasa cakna dan peduli dengan nasib petani di negara ini,” katanya menerusi hantaran di Facebooknya. – Malaysiapost

| TARIKH    | MEDIA            | RUANGAN | MUKA<br>SURAT |
|-----------|------------------|---------|---------------|
| 20/5/2023 | BERITA<br>HARIAN | ONLINE  |               |

## Malaysia cadang beli bijirin Russia untuk makanan haiwan - Menteri Pertanian



Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu.

MOSCOW: Malaysia mengiktiraf kualiti bijirin Russia dan merancang untuk membelinya bagi pengeluaran makanan haiwan, kata Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu.

"Tidak dinafikan, bijirin Russia berkualiti tinggi berdasarkan kedudukannya sebagai pengeksport utama dunia dan oleh itu Malaysia sedang mempertimbang membeli bijirin Russia sebagai antara sumber berpotensi untuk makanan haiwan dan membantu menstabilkan kemampuan bekalan ayam dalam negara," katanya, lapor Sputnik.

Beliau berkata, kerjasama dengan Russia dalam bidang itu boleh memberi manfaat kepada kedua-dua negara walaupun Malaysia kini mengimport gandum dari negara lain.

"Malaysia sedang mengenal pasti makanan haiwan yang berkualiti tinggi pada harga yang lebih baik dan kesefahaman ini boleh memberi manfaat kepada kedua-dua negara," katanya.

Selain itu, Malaysia juga sedang mengkaji untuk membeli baja dari Russia untuk sektor pertanian negara.

"Oleh itu, kita perlu meneroka pilihan baja pada harga yang baik dari Russia yang menjadi strategi yang baik memandangkan Malaysia juga mencari jalan untuk mengurangkan kos input pertanian yang menyumbang kepada penurunan harga makanan yang kini tinggi," katanya.

Mohamad berkata, Russia negara terkemuka di dunia yang mengeksport bahan mentah berkualiti tinggi untuk pengeluaran baja.

"Antara bahan mentah yang dieksport oleh Russia ialah gas asli, urea, ammonium sulfat dan asid fosforik.

"Oleh itu Malaysia meminta Russia menimbal untuk menawarkan peluang perdagangan baja negara itu bagi meminimumkan lagi gangguan rantaian bekalan khususnya harga dan bekalan input berkualiti tinggi. Kami akan menghantar pegawai ke Russia untuk membincangkan isu ini," katanya.

Sementara itu, Malaysia juga berharap memperoleh akses yang lebih mudah bagi kemasukan pelancong dan eksport makanan ke Russia.

Malaysia sedang mengenal pasti peluang untuk membekalkan buah-buahan tropika dan produk akuakultur seperti udang ke Russia, yang kini membeli nanas dari Costa Rica dan mangga dari Afrika Selatan.

Mohamad Sabu turut mengundang Menteri Pertanian Russia Dmitry Patrushev ke Malaysia untuk menandatangani memorandum persefahaman yang "mungkin menjurus kepada FTA (perjanjian perdagangan bebas)."

Pada masa ini, katanya kumpulan kerja Russia dan Malaysia terbabit dalam menghapuskan semua kemungkinan halangan perdagangan antara negara.

Terdahulu, Patrushev berkata, Russia tidak sabar untuk menambah bekalan makanan ke Malaysia kerana terdapat potensi besar dalam eksport minyak bunga matahari dan kacang soya, gandum, kacang, ayam, daging lembu, produk tenusu dan ikan.

Dagangan barang pertanian Russia-Malaysia meningkat sebanyak 18 peratus pada 2022, menurut Kementerian Pertanian Russia.— BERNAMA

|            |   |             |                     |
|------------|---|-------------|---------------------|
| Headline   | Bird's nest industry contributes RM4.5 billion to the country |             |                     |
| MediaTitle | China Press (Johor)   |             |                     |
| Date       | 20 May 2023   | Color       | Full Color          |
| Section    | News  | Circulation | 19,804              |
| Page No    | C4  | Readership  | 59,412              |
| Language   | Chinese   | ArticleSize | 200 cm <sup>2</sup> |
| Journalist | N/A   | AdValue     | RM 2,727            |
| Frequency  | Daily   | PR Value    | RM 8,181            |



## 創造2萬800就業機會 燕窩業為國進賬45億

(东甲19日讯)燕窝业已被鉴定为国家经济转型计划(ETP)下深具潜能的工业，以帮助全国总收入(PNK)贡献45亿令吉，同时创造2万800个就业机会。

农业及食品安全部副部长陈泓缣指出，燕窝商品的出口增速保持强劲，去年总共出口7838吨或总值19亿令吉。

他今日参观谢琳燕窝(马)有限公司时透露，截至目前，全国共有1万4636间燕屋已向马来西亚兽医局(DVS)注册，当中有2341间燕屋

已获得良好农业规范认证(myGAP)。

他说，燕窝加工厂方面，有56家厂已获得兽医卫生指标(VHM)认证，另有36家获得良好兽医卫生规范(GVHP)认证。

### 增加郊区农民收入

他指出，我国共有41家燕窝厂，即38家净燕厂及3家毛燕厂通过中国海关总署认证，以出口燕窝产品至中国。

陈泓缣强调，燕窝行业是既能创造可观收入，又能帮助当地居民



增加收入的经济活动。

他认为，企业与农民之间的合作是必要的，这能确保农业领域保持竞争力及持续进步。他赞扬谢琳燕窝公司与沙巴比鲁兰(Beluran)农民协会建立战略合作夥伴关系，在引燕实施、开发和管理方面进行专业合作，以发展燕窝产业，增加郊区农民的收入，也带动地方经济活动。

出席者包括谢琳燕窝(马)有限公司执行董事拿督谢瑞胜、柔佛州农民组织局主任阿米鲁丁、沙巴比鲁兰农民组织局经理苏马兰、行动党东甲区州议员黄俊历及文打烟区州议员黄益豪。

■ 谢瑞胜为谢琳燕窝(马)有限公司(左起)陪同陈泓缣，及造厂纪念板签名，右起为苏马兰及阿米鲁丁(左起)。

|            |   |             |                     |
|------------|---|-------------|---------------------|
| Headline   | Chan: Ministry plans to hold 106 farm market activities |             |                     |
| MediaTitle | Sin Chew Daily  |             |                     |
| Date       | 20 May 2023   | Color       | Full Color          |
| Section    | Nation  | Circulation | 288,920             |
| Page No    | 8   | Readership  | 866,760             |
| Language   | Chinese   | ArticleSize | 133 cm <sup>2</sup> |
| Journalist | N/A   | AdValue     | RM 4,030            |
| Frequency  | Daily   | PR Value    | RM 12,091           |



## 擬辦106場農業市集 陳泓縉：農產品低廉賣



陈泓縉（右一）视察昌明农业销售活动中售卖的食油。（钟柔洁摄）

（东甲19日讯）农业及食品安全部副部长陈泓縉披露，该部门计划今年内在全国各地举办至少106场“昌明农业销售”活动，让市民能以更低廉的价格购买农产品及所需物品。

他说，昌明农业销售活动除了让农民们直接销售产品，也有售卖食油、白米、鸡蛋及鸡肉，价格比市场便宜至少10%，因此在协助市民减轻生活负担的同时，也协助农民销售产品。

他今日为礼让区农业组织局（Lembaga Pertubuhan Peladang）举办的昌明农业销售活动主持开幕仪式时，也希望有更多单位加入该销售活动，扩大活动规模及增加活动次数。

他表示，目前参与该活动的有联邦农业销售局（FAMA）、农业组织局及大马渔业局。

他表示，昌明销售活动早前已在森美兰、柔佛士姑来及布城的农业组织局举办，由于所售物品价格合理及便宜，获

得民众热烈回响。

### 鼓励加入引燕行业

另一方面，陈泓縉较早前参观东甲区一间燕窝加工厂时，也鼓励更多业者加入引燕行业，以提高收入。

他表示，引燕业在经济转型计划（ETP）下具有发展潜能，贡献45亿令吉的国家总收入，并提供2万零800个就业机会；而在2022年，我国出口的燕窝重达7838吨，价值19亿令吉。

他说，我国目前共有1万4636间已向兽医局注册的燕屋，其中2314间燕屋获得大马良好农业规范（MyGAP）认证，有56间燕窝加工厂获得兽医健康证书，36间获得兽医良好卫生习惯证书；同时，我国有41间燕窝加工厂已获得中国海关总署的批准。

与会者包括柔佛州农业组织局局长阿米鲁丁、礼让农业组织局主任再迪、东甲州议员黄俊历及文打烟州议员黄益豪等。

|            |   |             |                     |
|------------|---|-------------|---------------------|
| Headline   | 106 Madani farmer's markets to be held nationwide |             |                     |
| MediaTitle | Guang Ming Daily                                  |             |                     |
| Date       | 20 May 2023                                       | Color       | Full Color          |
| Section    | News  | Circulation | 49,712              |
| Page No    | A6  | Readership  | 149,136             |
| Language   | Chinese   | ArticleSize | 210 cm <sup>2</sup> |
| Journalist | N/A   | AdValue     | RM 3,182            |
| Frequency  | Daily   | PR Value    | RM 9,545            |



## 陳泓縉：價格便宜至少10% 全國辦106場昌明農業銷售

(东甲19日讯)农业及食品安全部计划今年内在全国各地举办至少106场“昌明农业销售”活动，让市民能以更低廉的价格购买农产品及所需物品。

副部长陈泓縉说，昌明农业销售活动除了让农民们直接销售产品，也有售卖食油、白米、鸡蛋及鸡肉，价格比市场便宜至少10%，因此在协助市民减轻生活负担的同时，也协助农民销售产品。

他希望有更多单位加入销售活动，扩大活动规模及增加活动次数。

陈泓縉今日为礼让区农业组织局(Lembaga Pertubuhan Peladang)举办的昌明农业销售活动主持开幕仪式时表示，目前参与活动的有联邦农业销售局(FAMA)、农业组织局及大马渔业局。

他表示，昌明销售活动早前已在森美兰、柔佛士古来及布城的农业组织局举办，由于所售物品价格合理及便宜，获得民众热烈回响。

另一方面，陈泓縉较早前参观东甲区一间燕窝加工厂时，也鼓励更多业者加入引燕行业，以提高收入。

他表示，引燕业在经济转型计划(ETP)下具有发展潜能，贡献45亿令吉的国家总收入，并提供2万零800



■陈泓縉（右）视察昌明农业销售活动中售卖的食油。

个就业机会；而在2022年，我国出口的燕窝重达7838吨，价值19亿令吉。

他说，我国目前共有1万4636间已向兽医局注册的燕屋，其中2314间燕屋获得大马良好农业规范(MyGAP)认证，有56间燕窝加工厂获得兽医健康证书，36间获得兽医良好卫生习惯证书；同时，我国有41间燕窝加工厂已获得中国海关总署的批准。

与会者包括柔佛州农业组织局局长阿米鲁丁、礼让农业组织局主任再迪、东甲州议员黄俊历及文打烟州议员黄益豪等。

|            |  |             |                     |
|------------|--|-------------|---------------------|
| Headline   | Jati 30th anniversary celebration activity |             |                     |
| MediaTitle | Kwong Wah Yit Poh                          |             |                     |
| Date       | 20 May 2023                                | Color       | Full Color          |
| Section    | Nation                                     | Circulation | 59,667              |
| Page No    | A14  | Readership  | 179,000             |
| Language   | Chinese                                    | ArticleSize | 265 cm <sup>2</sup> |
| Journalist | N/A  | AdValue     | RM 2,971            |
| Frequency  | Daily                                      | PR Value    | RM 8,913            |



## Jati“30年卓越”周年庆典活动 即起至29日隆乐天广场举行



一众嘉宾出席Jati 30周年庆典的开幕典礼，左起沙雅益、阿兹曼；右起是蔡庆仁、蔡诗懋、刘子煦和刘国坚。

欲知更多 Jati 产品和活动的讯息，可关注 Jati 官方脸书或 Instagram

[facebook.com/jatimalaysia](https://facebook.com/jatimalaysia)

@jati\_malaysia

【吉隆玻讯】马来西亚家喻户晓的大米品牌之一 Jati，今年迈入 30 周年庆，为欢庆这30周年纪念时石子，Jati 从即日起至 5 月 29 日，在吉隆坡乐天广场 (Lot 10) 举办 30 周年庆典活动“30 年卓越”。欢迎民众一起前来共襄盛举。

Jati 是马来西亚粮食有限公司 Serba Wangi Sdn Bhd 旗下的其中一个品牌，自 1993 年成立至今蓬勃发累，分行遍布全国各地。在这个意义重大的 30 周年庆，Jati 特别准备了许多丰富且多彩的活动，包括展示 30 款米食模型，大众可在活动期间到访乐天广场附近，和 Jati 展示的模型拍照，并上载参加拍照赢大奖比赛，每位参赛者都有机会赢得丰富的奖品，共有 303 套精美礼品待拿取。

马来西亚粮食有限公司集团高级经理蔡庆仁，日前在 Jati“30 年卓越”庆典活动的开幕礼上表示，感谢消费者 30 年来对于该品牌的支撑。“对 Jati 来说，客户的支持是最大的荣幸和极大的认可。经过 30 年的市场开拓，Jati 成功在食品行业立稳立足及发展，所生产的商品种类繁多，包括面粉、米粉、各式大米等，我们致力于为客户提供最好的服务。Jati 更立志成为全球知名品牌，提供多元化的商品，以满足社会中各阶层人士的需求。”

他也宣布，Jati 刚刚在马来西亚记录



大全刷下新纪录，装出重达 3 吨的最重米袋，打破了之前 1,501 吨最重米袋的旧纪录，创造了另一个新里程碑。“这 3 吨米将会被捐赠到有需要的孤儿院和老人院。”随后马来西亚纪录大全副总经理（市场与活动）黄程远也颁发证书给 Serba Wangi 有限公司，并由该集团总经理刘国坚接领。

而出席开幕礼的嘉宾能包括马来西亚农业及粮食安全部稻田与监管组主任拿督阿兹曼、农业及粮食安全部稻田与稻米直管组副主任沙益益。Serba Wangi 有限公司吉打区董事蔡诗懋、吉隆玻区董事刘子煦和马来西亚纪录大全有限公司助理经理谢佳漫等人。#

▲Jati 在马来西亚记

录大全刷下新纪录，

装出重达 3 吨的最

重米袋，黄程远 (左 2)

颁发证书予刘国坚

(右)。

▲扫描二维码  
浏览更多资讯



| TARIKH    | MEDIA         | RUANGAN | MUKA<br>SURAT |
|-----------|---------------|---------|---------------|
| 20/5/2023 | BERITA<br>RTM | ONLINE  |               |

## Keluasan tanah untuk aktiviti agromakanan dikenal pasti



**MACHANG, 20 Mei** - Kerajaan menerusi Felcra Berhad sedang mengenal pasti keluasan tanah yang mencukupi, digunakan untuk aktiviti agromakanan.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata pendekatan itu diambil bagi membolehkan Felcra turut terlibat membantu Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) meningkatkan pengeluaran bahan makanan seterusnya mengurangkan kebergantungan terhadap import bekalan seperti beras daging, ayam dan telur.

Secara tidak langsung memberi peluang kepada peserta Felcra dan generasi seterusnya sebagai tenaga kerja dalam bidang terbabit.

"Ia tidak berhasrat untuk bersaing dengan mana-mana pengeluar sedia ada, ia sekadar untuk mengurangkan kos sara hidup dan untuk menentukan bahawa soal keselamatan makanan atau keterjaminan makanan ini tidak bermusim iaitu samada di musim perayaan atau di luar musim perayaan," kata Zahid, di sini.

Mengulas lanjut, Zahid berkata Felcra juga mempunyai entiti perniagaan lain yang akan terus dipantau bagi mengembangkan lagi urus niaga agensi terbabit.

Ketika ini Felcra sudah memiliki 3,000 hektar estet padi di Perak selain telah mengenal pasti kira-kira 18,000 hektar di Sarawak dan Sabah untuk dijadikan estet padi.



(Zahid ketika ditemui pemberita, di sini)

Dalam perkembangan lain, Zahid yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah turut mengumumkan peruntukan RM1 bilion untuk pembekalan air bersih di Kelantan bermula tahun ini.

Perkara itu jelas beliau, sebagaimana yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Sebagaimana yang saya nyatakan mengikut apa yang di umumkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, tatakelola dan libaturus secara telus, itu secara operasinya kita serahkan kepada Kementerian Kewangan," katanya.

Terdahulu, beliau menghadiri Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Felcra Berhad di Bukit Tiu, Machang, yang turut dihadiri, Penggerusi Felcra Berhad Datuk Ahmad Jazlan Yaakub.

| TARIKH    | MEDIA            | RUANGAN | MUKA<br>SURAT |
|-----------|------------------|---------|---------------|
| 20/5/2023 | BERITA<br>HARIAN | ONLINE  |               |

## Malaysia intai peluang jalin kerjasama dengan Russia dalam pemindahan teknologi



Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin

KAZAN (Russia): Malaysia sedang berusaha untuk menjalin kerjasama dengan Russia dalam pertukaran teknologi, terutama yang dibangunkan dengan baik di Russia, termasuk teknologi robotik atau roket, kata Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin.

"Kami meminta Russia membantu terutama dalam pemindahan teknologi dalam sektor tertentu seperti robotik, sains roket yang diperlukan oleh universiti di Malaysia," kata Khaled di luar forum ekonomi Antarabangsa ke-14, "Russia - Islamic World: KazanForum."

Beliau berkata, Malaysia juga berhasrat untuk menjalin kerjasama dengan Moscow dalam pertukaran sains perubatan lanjutan, aeronautik dan kejuruteraan elektrik.

Forum itu berlangsung di bandar Kazan Russia dari 18 hingga 19 Mei. Beliau bersama Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu menghadiri forum itu dengan kedua-duanya bersetuju dengan pihak Russia untuk mengadakan beberapa siri mesyuarat bagi meningkatkan kerjasama dalam pelbagai bidang, termasuk pendidikan, perdagangan dan pelancongan.— BERNAMA

| TARIKH    | MEDIA              | RUANGAN | MUKA<br>SURAT |
|-----------|--------------------|---------|---------------|
| 20/5/2023 | PENGGERAK<br>DAILY | ONLINE  |               |

## EKSPORT NANAS DIJANGKA CECAH RM1.3 BILION TAHUN INI



ISKANDAR PUTERI: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) menjangka nilai eksport produk berasaskan nanas negara boleh mencecah sehingga RM1.3 bilion, tahun ini.

Timbalan Menterinya, Chan Foong Hin berkata, sasaran itu selari dengan trend peningkatan yang direkod produk berkenaan sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

Menurut beliau, nilai eksport tahun 2022 adalah RM1.2 bilion, manakala eksport tahun 2021 (RM1.1 bilion) dan eksport tahun 2020 (RM642 juta).

“Sebanyak 80 peratus daripada nilai eksport nanas melibatkan produk makanan dalam tin, namun dalam masa sama kita juga mahu menerokai pasaran baharu melibatkan buah-buahan (nanas) segar.

“Ini kerana pasaran buah-buahan segar mempunyai permintaan tinggi terutama di negara Timur Tengah dan China, jadi kita akan mahu tembusi pasaran itu,” katanya dalam sidang media selepas melakukan lawatan rasmi ke syarikat Tuzra Marketing Sdn. Bhd., di Bukit Indah, di sini hari ini.

Turut hadir, Pengurus Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia, Sheikh Umar Bagharib Ali.

Tambah Foong Hin, ketika ini, eksport tertinggi produk nanas negara adalah ke Singapura, beberapa negara Timur Tengah, China, Jepun dan Korea Selatan.

Dalam pada itu, beliau turut memberitahu, fenomena El-Nino ketika ini tidak menjelaskan pertumbuhan nanas kerana tanaman itu lasak dan mampu bertahan dalam cuaca panas.

“Cuaca panas sebenarnya beri kelebihan kepada tanaman nanas, jadi ia tidak menjelaskan kecuali pada awal penanaman sahaja. Untuk itu kita sokong pertumbuhan dengan siraman satu atau dua minggu sekali, itu memadai.

“Tanaman nanas ini hidup dengan air embun,” jelasnya.